

22 JUL 2004

Abdullah-dialog

KUMPULAN PEMIKIR PERANCIS KINI LEBIH FAHAMI MALAYSIA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

PARIS, 22 Julai (Bernama) -- Sebuah kumpulan pemikir politik dan ekonomi terkemuka Perancis kini lebih memahami pendirian Malaysia berhubung pelbagai isu melibatkan negara itu dan serantau hasil daripada satu dialog dan perbincangan bebas dan terbuka dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini.

Dalam apa yang boleh dianggap sebagai pendiriannya menerima pandangan dan ketelusan Perdana Menteri, Institut Hubungan Antarabangsa Perancis bersetuju dengan penjelasan beliau berhubung berbagai-bagai isu.

Abdullah telah menjawab dengan terang persoalan berhubung topik yang meluas seperti Islam dan sekularisme, isu dua hala, pertumbuhan pesat di China, ketiadaan perkembangan demokrasi di Myanmar, Asean dan juga perdagangan global khusus Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Jika pada awalnya mereka tidak tahu dengan jelas dan mendalam mengenai Malaysia, Asia dan isu-isu yang melibatkan kedua-duanya, di akhir dialog dua jam itu para peserta mulai memahami masalah yang membebani negara-negara Islam dan yang membangun.

Apa yang menarik ialah 58 peserta itu terdiri anggota parlimen, wartawan, tokoh korporat dan cendekiawan Perancis, yang kesemuanya dapat bertukar-tukar pendapat dengan ketua kerajaan Malaysia yang baru.

Institut berkenaan menganjurkan antara 200 dan 300 pertemuan seumpama itu dengan ketua-ketua negara dan kerajaan atau tokoh-tokoh lain.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Duta Malaysia ke Perancis, Datuk Hamidah Mohd Yusoff.

Soalan pertama adalah mengenai Islam, berhubung pertembungan tamadun antara Islam dan Barat, yang ditangani dengan jayanya dan berhemah oleh Malaysia tanpa memusuhi mana-mana pihak.

Abdullah berkata Malaysia adalah sebuah negara Islam sederhana dan progresif yang mengamalkan demokrasi serta aktif dalam bidang ekonomi, dan didiami dengan amannya oleh sejumlah besar penduduk bukan Islam.

Katanya Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya yang membolehkan "kami menyambut kepelbagaian ini yang memberi kami kekuatan, kesederhanaan dan sifat saling menghormati."

Walaupun dengan latar belakang yang berbeza ini, kerajaan telah berjaya mengamalkan perkongsian kuasa manakala tahap persefahaman di kalangan para pemimpinnya amat kukuh dan tinggi, katanya.

Abdullah, yang mendapat mandat besar dalam pilihan raya umum Mac lepas dan dipilih tanpa bertanding sebagai Presiden Umno, menegaskan bahawa di sebalik semua ini, kepimpinan politik amatlah penting.

"Kami adalah sebuah negara Islam tanpa bebanan sosial, tiada agenda baru mengenai pengIslaman," katanya, merujuk kepada beberapa negara Islam yang dilanda persengketaan akibat ketidakstabilan politik.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak bertolak ansur dengan ekstremisme, satu perbuatan yang sering dikaitkan kepada keganasan oleh beberapa negara barat.

Peserta juga bertanya mengenai sekularisme dan Abdullah menjawab bahawa "ia (ekstremisme) tidak wujud dalam Islam kerana Islam adalah satu cara hidup."

Mengenai masalah yang dihadapi negara-negara Islam, beliau berkata ia tidak seharusnya dikaitkan dengan Islam tetapi kepada kepimpinan yang kurang baik dan politik yang kurang baik.

"Kami (Malaysia) adalah contoh bahawa Islam itu mengamalkan sikap tolak ansur, moden dan progresif," katanya.

Kepada soalan mengenai keutamaan beliau sejak menjadi Perdana Menteri, Abdullah berkata ianya adalah terhadap kemajuan ekonomi dan pembangunan tenaga kerja.

Dialog juga menyentuh mengenai persahabatan antara Malaysia dan Perancis, yang disifatkan beliau sebagai penting hasil hubungan kerja yang baik antara bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Perancis Jacques Chirac.

"Saya berkongsi wawasan untuk mengukuhkan lagi hubungan antara Perancis dan Malaysia, dan terdapat ruang yang amat besar untuk meningkatkan kerjasama ekonomi," kata Abdullah, yang juga akan menemui Chirac dalam

lawatannya ini.

Mengenai isu Myanmar dan tindakan Kesatuan Eropah meminggir negara Indochina itu kerana rekod demokrasinya yang kurang baik serta penahanan di rumah yang dikenakan terhadap pemimpin pro-demokrasi Aung San Suu Kyi, beliau berkata: "Kita tidak boleh benarkan matlamat yang lebih besar dilupakan. Penglibatan secara membina dengan Myanmar terus menjadi cara Asean."

Abdullah berkata kemampuan Myanmar, Kemboja dan Laos perlu dipertingkatkan, dan negara-negara Asean telah berjaya menjadikan rantau itu aman.

Mengenai pertumbuhan ekonomi yang pesat di China sehingga membimbangkan banyak negara, Perdana Menteri berkata Malaysia melihatnya sebagai satu peluang dan bukannya ancaman.

"China adalah cabaran, jadi kita perlu menjadi lebih berdaya saing, lebih cenderung ke arah teknologi tinggi dan menjadi pasaran kepada produk berkualiti tinggi serta mendapatkan pasaran khusus bagi diri kita.

"China adalah rakan baik Asean," katanya.

Mengenai rundingan WTO, Abdullah berkata ianya rumit dan sebab itulah banyak Kawasan Perdagangan Bebas kini diwujudkan "kerana rundingan dua hala lebih mudah daripada rundingan pelbagai hala."

-- BERNAMA

MR AZZ MAI